

## **BUDAYA ORGANISASI ISLAM HOLISTIK: KEPERLUAN MASA DEPAN ORANG MELAYU DAN BANGSA MALAYSIA**

*ROSFAZILA BINTI ABD RAHMAN*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[rosfazila@kuis.edu.my](mailto:rosfazila@kuis.edu.my)

*NOVEL LYNDON*

*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
[novel@ukm.edu.my](mailto:novel@ukm.edu.my)

*ABDUL RAZIF BIN ZAINI*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[abdulrazif@kuis.edu.my](mailto:abdulrazif@kuis.edu.my)

*MOHD SHAHRUL NIZAM BIN MOHD DANURI*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[msnizam@kuis.edu.my](mailto:msnizam@kuis.edu.my)

*MARLIANA BINTI ABDULLAH*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[marliana@kuis.edu.my](mailto:marliana@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Masyarakat yang membangun dan bertamadun diyakini adalah masyarakat yang berbudaya. Budaya adalah tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi serta mempunyai kebudayaan yang telah maju. Pembudayaan budaya organisasi Islam holistik adalah proses atau cara membudayakan sesuatu seperti pemikiran dan ilmu dalam konteks budaya organisasi Islam secara menyeluruh dan total. Integriti pula adalah prinsip kehidupan yang berpegang kepada kejujuran atau keadaan sempurna dan utuh. Prinsip integriti Islamiah pula memberi penekanan kepada kejujuran atau keadaan sempurna lagi utuh kepada aspek yang berkaitan dengan atau berasaskan agama Islam. Justeru, isu utama kajian ini ialah sejauh mana pembudayaan budaya organisasi Islam holistik yang didasari dengan aspek integriti Islamiah yang tinggi boleh menjadi formula untuk sebuah masyarakat yang membangun dan diredhoi. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami budaya organisasi Islam holistik. Objektif kedua ialah untuk meneliti sejauh mana pembudayaan budaya organisasi Islam holistik yang didasari dengan aspek integriti Islamiah yang tinggi boleh menjadi formula untuk sebuah masyarakat yang berbudaya dan bertamadun tinggi. Kajian ini adalah kajian konseptual yang merungkai konsep budaya organisasi Islam holistik dan konsep integriti Islamiah dan membina masyarakat dan tamadun yang cemerlang. Kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Penemuan utama mendapati makna budaya organisasi Islam holistik adalah merangkumi aspek-aspek tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi serta mempunyai kebudayaan dari perspektif Islami. Penemuan kedua mendapati bahawa pembudayaan budaya organisasi Islam holistik yang didasari dengan aspek integriti Islamiah yang tinggi boleh menjadi formula untuk sebuah masyarakat yang berbudaya dan bertamadun. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa pembudayaan budaya organisasi Islam holistik amat berperanan kepada orang Melayu dan bangsa Malaysia dalam mencapai matlamat bangsa bertamadun tinggi. Implikasinya, terdapat beberapa aspek cabaran ke arah pencapaian bangsa bertamadun tinggi berlandaskan syariah.

**Kata kunci:** kajian budaya; budaya organisasi; budaya organisasi Islam holistik; Melayu; Bangsa Malaysia.

## **HOLISTIC ISLAMIC ORGANISATION CULTURE: FUTURE NEEDS OF THE MALAYS AND NATION OF MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

A developed and civilized society is believed to be a cultured community. Culture is civilization, advancement of mind and intellect and has developed culture. The cultural culture of holistic Islamic organization is the process or way of cultivating something like thinking and knowledge in the context of a complete and total Islamic cultural organization. Integrity is the principle of life that holds honesty or perfect and complete. The principle of integrity also emphasizes the honesty or the perfect condition intact on aspects related to or based on the Islamic religion. Hence, the main issue of this study is the extent to which the culture of holistic Islamic organization culture based on the integrity aspect of Islamic integrity can be a formula for a developing and cultured society. The main objective of this study is to understand the culture of holistic Islamic organization. The second objective is to examine the extent to which cultural cultures of holistic Islamic organizations based on high integrity aspects of Islam can be the formulas for a cultured and highly civilized society. This study is a conceptual study that summarizes the concept of holistic Islamic organization culture and the concept of integrity of Islam and builds outstanding society and civilization. The study uses library study method. The major findings reveal the holistic culture of Islamic organization's culture, which include the aspects of civilization, civilization, the development of mind and intellect and culture from an Islamic perspective. The second discovery found that the cultural culture of a holistic Islamic organization based on a high integrity aspect of Islam can be a formula for a cultured and civilized society. In conclusion, this study shows that the cultural culture of holistic Islamic organization plays a role in Malays and Malaysians in achieving the goal of high civilization. The implication, there are several aspects of the challenge towards the achievement of high civilized nations.

**Keywords:** cultural studies; organizational culture; holistic Islamic organization culture; Malay; Malaysian.

### **PENGENALAN**

Sains Sosial merupakan penggunaan kaedah saintifik untuk mengkaji bidang kemanusiaan. Ianya melibatkan kajian sosial yang berlaku dalam dunia sosial dan fenomena yang berlaku yang melibatkan manusia. Bidang Sains Sosial merangkumi: Antropologi, Ekonomi, Linguistik, Etimologi, Psikologi, Sosiologi, Pendidikan dan Komunikasi. Istilah sains sosial umumnya bermaksud sebarang bentuk pengajian yang berkaitan dengan manusia dan masyarakat. Secara khususnya, istilah tersebut memberi penekanan kepada penggunaan kaedah yang ilmiah atau saintifik dalam penelitian terhadap hubungan yang rumit dan kompleks antara manusia. Ini bermaksud bahawa setiap penelitian yang dilakukan ke atas hubungan kemanusiaan dan kemasyarakatan itu mestilah dilakukan dengan cara yang saintifik, mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan serta teruji oleh masa dan tempat (Mitchell, 1979). Antropologi adalah ilmu tentang manusia, masa lalu dan kini, yang menggambarkan manusia melalui pengetahuan ilmu sosial dan ilmu hayati (alam), dan juga humaniora. Sosiologi pula berasal dari bahasa Latin iaitu Socius yang bererti kawan, sedangkan Logos bererti ilmu pengetahuan. Ungkapan ini diungkapkan pertama kalinya dalam buku yang berjudul "Cours

De Philosophie Positive" karangan August Comte (1798-1857). Walaupun banyak definisi tentang sosiologi namun umumnya sosiologi dikenali sebagai ilmu pengetahuan tentang masyarakat dan budaya.

Masyarakat (society) bermaksud komuniti manusia yang tinggal bersama-sama. Masyarakat merupakan jaringan perhubungan antara pelbagai individu. Masyarakat juga merupakan subjek utama dalam pengkajian sains sosial. Budaya atau kebudayaan berasal dari bahasa Sanskrit iaitu buddhayah, yang merupakan bentuk jamak dari buddhi (budi atau akal) diertikan sebagai hal-hal yang berkaitan dengan budi, dan akal manusia. Kamus Dewan (2002) memberi maksud budaya sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi yang merangkumi cara berfikir, bertingkah laku dan sebagainya. Modern Dictionary of Sociology mentakrifkan budaya sebagai cara hidup manusia yang hidup berkelompok sama ada berbentuk material ataupun bukan material (Kamus Dewan 2002).

Kajian sosiologikal masyarakat Malaysia melibatkan budaya dan kebudayaan menunjukkan bahawa kreativiti manusia sepanjang sejarah meliputi banyak kegiatan, di antaranya dalam organisasi sosial dan ekonomi, ilmu pengetahuan dan teknologi, dan proses simbolik. Terdapat beberapa perkara yang menghuraikan hubungan antara budaya dan masyarakat. Mannheim (1956), menghuraikan hubungan antara suatu kelompok berkepentingan tertentu dalam masyarakat dan pemikiran serta modus pemikiran yang mendasari sistem pengetahuan. Raymond Williams (1976) menyebutkan bahawa dalam sosiologi budaya terdapat tiga komponen pokok, iaitu lembaga-lembaga budaya, isi budaya, dan kesan budaya atau norma-norma. Lembaga budaya mempersoalkan siapa yang menghasilkan produk budaya; siapa mengawal, dan bagaimana kawalan itu dilakukan. Isi budaya mempersoalkan apa yang dihasilkan atau simbol-simbol apa yang diusahakan. Kesan budaya pula mempersoalkan kesan yang diharapkan daripada proses budaya tersebut. Kebudayaan akan menjadi tidak fungsional jika simbol dan normanya tidak lagi didukung oleh lembaga-lembaga sosialnya, atau oleh modus organisasi sosial dari budaya tersebut. percanggahan budaya dapat terjadi sehingga dapat melumpuhkan dasar-dasar sosialnya. percanggahan budaya dapat juga timbul kerana adanya kekuatan-kekuatan budaya yang saling bertentangan dalam masyarakat. Justeru kajian budaya dalam masyarakat sangat kompleks dan sangat penting dalam memastikan kelangsungan dan kesejahteraan masyarakat dan negara.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk memahami konsep budaya organisasi Islam holistik dan meneliti sejauh mana pembudayaan budaya organisasi Islam holistik yang didasari dengan aspek integriti Islamiah yang tinggi boleh menjadi formula untuk sebuah masyarakat yang berbudaya dan bertamadun tinggi.

## **KONSEP BUDAYA ORGANISASI ISLAM HOLISTIK**

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik. Rakyatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Malahan, kepelbagaian ini adalah kekuatan yang mewarnai corak negara ini. Demografi umum rakyat Malaysia adalah terdiri daripada majoriti etnik Melayu dan Bumiputera, Cina, India dan etnik-etnik lain. Malaysia juga sering menjadi model sebuah masyarakat majmuk kepada masyarakat lain. Oleh itu, perpaduan dan intergrasi nasional adalah satu keperluan bagi menjamin rakyatnya hidup dalam suasana aman damai.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan asas penting dalam undang-undang negara. Tanpa perlembagaan, sistem pemerintahan dan kawalan sukar dilaksanakan. Hal ini bertunjangan kepada pembentukan awal perlembagaan yang mendapat persetujuan ramai. Perlembagaan merupakan dasar kepada pembentukan demokrasi berparlimen di Malaysia.

Setiap warganegara sama ada pemerintah dan rakyat mendapat hak masing-masing dan pembelaan sewajarnya. Peruntukan utama dalam Perlembagaan Malaysia adalah perkara kewarganegaraan, agama, bahasa, kedudukan istimewa orang Melayu dan kebebasan asasi (Ranjit Singh Malhi, 2005). Perlembagaan Persekutuan di dalam perkara 160 telah mendefinisikan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam; bertutur dalam bahasa Melayu; menurut adat istiadat Melayu (a) lahir sebelum hari merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibubapa telah lahir di Persekutuan atau di Singapura pada hari merdeka dan menetap di Persekutuan dan di Singapura (b) atau ia adalah keturunan seseorang tersebut. Terdapat dua aspek kemelayuan yang penting di dalam perlembagaan. Pertama ialah ciri bahasa, agama dan budaya dan yang keduanya ialah daripada aspek geografi (International Law Book Services Perlembagaan Persekutuan (hingga 10hb Jun 2009).

Sesebuah negara bangsa akan terbentuk hanya apabila empat peringkat atau tahap proses ini di lalui iaitu bina negara; bina bangsa; penyertaan rakyat dan pengagihan nilai-nilai dalam masyarakat. Tun Dr Mahathir Mohamad (1991) di dalam ulasannya terhadap Wawasan 2020, menegaskan bahawa dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, usaha ke arah membentuk sebuah masyarakat yang liberal dan bertolak ansur tetapi pada masa yang sama bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan pegangan agama masing-masing perlu digerakkan. Rakyat Malaysia perlu meletakkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara. Reaksi masyarakat terhadap konsep negara bangsa mahupun bangsa Malaysia kerap menimbulkan pelbagai perbincangan yang menarik. Secara konseptual, 'bangsa Malaysia' berkait rapat dengan perkara legalities dengan menghubungkannya dengan konsep 'warganegara' dan 'ras'. Abdul Rahman Embong (2006) mendefinisikan bangsa sebagai satu komuniti politik yang terbentuk dalam sejarah yang ditautkan melalui perkongsian wilayah, budaya dan bahasa serta perasaan sebangsa.

Perpaduan nasional umumnya merujuk kepada penyatuan berbagai-bagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial dan kebudayaan yang berbeza. Usaha ke arah perpaduan dapat dilihat melalui penyatuan Sabah, Sarawak dengan negeri-negeri Semenanjung. Selain itu, usaha tersebut juga boleh dilihat melalui usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan meletakkan kumpulan etnik yang berlainan latar belakang di satu kawasan perumahan yang sama (Asnarulhadi, 2004).

Konsep integrasi pula adalah lebih luas dan merupakan proses abstrak melibatkan satu penyatuan yang sehati dan berpanjangan. Integrasi merupakan satu proses yang menyatupadukan pelbagai kelompok dalam masyarakat melalui satu identiti. Ekoran kejadian 13 Mei 1969, pelbagai usaha dan strategi ke arah mewujudkan integrasi nasional telah dilakukan. Ringkasnya, perpaduan dan integrasi nasional adalah matlamat asas bagi negara Malaysia. Konsep perpaduan sangat penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang teguh dan bersatu padu. Secara tidak langsung, perpaduan dapat menjamin keselamatan negara, kestabilan ekonomi dan politik dalam jangka masa panjang. Bagi memantapkan lagi perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai etnik, pelbagai strategi telah diwujudkan melalui pendekatan ekonomi, politik dan pendidikan untuk mencapai matlamat-matlamat perpaduan (Asnarulhadi, 2004).

Perkara-Perkara yang termaktub dalam fasa 153 yang menyentuh kedudukan serta kebesaran Raja-Raja Melayu, hak keistimewaan orang Melayu, agama Islam serta peranan Bahasa Malaysia selaku bahasa kebangsaan perlu dihormati (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2008). Ia penting bagi memastikan asas pembentukan negara terpelihara dan tidak menimbulkan kegusaran dan keresahan di kalangan rakyat jelata. Ia bakal menjadi kenyataan kalau semua rakyat mengenyepikan soal warna kulit, agama, keturunan dan budaya sebaliknya menekankan pentingnya kerjasama serta perpaduan demi kemajuan serta kestabilan bersama. Pembentukan negara bangsa dan bangsa Malaysia merupakan satu perjuangan yang masih belum selesai.

Kajian mengenai budaya organisasi telah banyak dilakukan. Kajian-kajian lepas mengenai organisasi mendefinisikan organisasi dengan pelbagai takrifan. Organisasi ditakrif sebagai sekumpulan besar individu yang distruktur di luar garis peribadi dan difokuskan untuk mencapai tujuan yang spesifik (Giddens, 2001). Tischer (1990) menakrifkan bahawa organisasi sosial mementingkan komunikasi dan organisasi formal pula mementingkan peraturan. Elemen interaksi serta perlakuan manusia berpola dikaitkan dengan kewujudan sesuatu organisasi. Kewujudan organisasi ini pula diikat dengan sistem nilai dalam sesebuah masyarakat. Justeru, Robia (1998) dan Wagner & Hollenbeck (1995) bersetuju bahawa organisasi ialah gabungan di antara manusia dengan bahan-bahan untuk mencapai matlamat organisasi. Matlamat tidak mungkin dicapai oleh individu secara tunggal (Wagner & Hollenbeck, 1995) dan manusia serta bahan perlu diselaraskan dan disusun secara sistematik untuk mencapai matlamat (Robiah 1988). Justeru, organisasi juga dilihat sebagai satu perancangan dan penyelarasan aktiviti-aktiviti ahli organisasi untuk mencapai beberapa matlamat umum dan eksplisit (Schein, 1988). Budaya organisasi melibatkan aspek organisasi dan tingkahlaku manusia. Elemen-elemen utama dalam sesuatu budaya organisasi ialah bentuk pemikiran, nilai dan tindakan yang dikongsi bersama oleh ahli-ahli organisasi, yang berkaitan dengan isu-isu dan cabaran penting dalam organisasi. Elemen-elemen ini menentukan pergerakan dan tindakan ahli-ahli organisasi.

Hofstede dan Bond (1998) serta Ouchi (1981) mendedahkan perhubungan antara nilai budaya organisasi dengan peningkatan produktiviti. Deal dan Kennedy (1982) berhujah tentang pentingnya suatu budaya yang kukuh dalam menyumbang ke arah prestasi organisasi. Budaya organisasi yang kukuh menjadi kunci kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi (Peters & Waterman 1982). Budaya organisasi juga meninggalkan kesan-kesan positif dalam meningkatkan iltizam dan kerjasama pekerja, memperbaiki prestasi kerja dan membuat keputusan dengan lebih baik (Weik 1985; Barney 1986; Kopelman, Brief & Guza 1990; Thompson & Luthens 1990). Kesan positif dalam aspek non-afektif seperti meningkatkan prestasi, produktiviti dan memaksimumkan keuntungan turut didapati. Dalam konteks organisasi kesihatan, kajian Chang (2003) mendapati nilai budaya mempengaruhi gaya kepimpinan dan kepuasan kerja. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2018) menemukan konsep warisan budaya ketara yang boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudah alih manakala Nursyamisa et. Al (2018) megaitkan budaya Islam dengan seni persmbahan melibatkan sejarah, latarbelakang, bentuk sert afungsi.

Fungsi agama sebagai penggerak dalam kehidupan umat manusia baik yang berkaitan dengan individu, organisasi, masyarakat dan negara menjadi salah satu agenda perbincangan Ibn Khaldun dalam karyanya, *Muqaddimah*. Perkara ini adalah disebabkan agama mempunyai peranan yang sangat penting dan efektif sekali dalam memangkinkan kesatuan umat untuk mencapai dominasi, sehingga terciptanya negara yang dikehendaki. Namun demikian, negara tidak akan kukuh selagi tidak didokong oleh solidariti (*asabiyyah*). Jadi dalam proses pemantapan dan penstabilan negara, agama harus dikembangkan sehingga menjadi satu penghayatan yang mantap bagi seluruh masyarakat. Agama mempunyai peranan yang sangat penting dalam memupuk kehidupan individu, masyarakat dan negara atau pemerintahan dengan mewujudkan kebersamaan, ketenteraman, keharmonian pergaulan, saling hormat menghormati, tolong menolong dan sebagainya. Hal ini disebabkan anggota masyarakat diikat oleh satu ikatan cinta, kasih sayang dan persaudaraan (*ukhwah*) seagama (Darraz, 1980). Menurut Ibn Khaldun lagi, suatu negara yang luas daerah kekuasaannya pasti didasarkan kepada agama, baik yang disebarkan oleh seorang nabi (*nubuwwah*) atau seruan kebenaran (*da'wat al-haq*) (Ibn Khaldun, 1984). Hujah Ibn Khaldun lagi, *al-muluk* (kuasa autoritatif atau autoriti atau kekuasaan negara) hanya dapat diperolehi dengan perantara dominasi. Pendorinasian ini hanya dapat dicapai dengan solidariti atau *'asabiyyah* dan kesatuan arah tuju serta kebulatan tekad. Kesatuan sebegini pula akan hanya dapat diperolehi dengan

perantaraan pertolongan (*ma'unah*) dari Allah dalam menegakkan agamanya (Ibn Khaldun, 1984).

Jelasnya, budaya organisasi Islam itu dapat dijelaskan sebagai mempunyai tiga elemen utama seperti pendapat Yusuf Qardhawi (1985) iaitu pertama, ia perlulah beranjak dari falsafah Islam. Kedua, ia perlulah bersumber dari al-Quran dan hadis dan ketiga, ia perlu bertujuan menciptakan umat yang melaksana dan memperjuangkan ajaran Islam. Tuntasnya, budaya organisasi Islam tentulah kebudayaan yang berketuhanan, kemanusiaan dan bermoral; merangkumkan ilmu dengan iman, melingkupi material dengan idea, menseimbangkan duniawi dengan ukhrawi, mengindahkan kehormatan manusia demi perikemanusiaan (Yusuf Qardhawi, 1985).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian konseptual yang merungkai konsep budaya organisasi Islam holistik dan konsep integriti Islamiah dan membina masyarakat dan tamadun yang cemerlang dan kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan.

## **PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN**

Pembangunan dalam Islam adalah berlandaskan kepada orientasi nilai dengan perhatian untuk meningkatkan kebajikan umat Islam dari semua aspek (moral, kebendaan dan kerohanian) untuk mencapai keselamatan dan kedamaian hidup di dunia dan di akhirat. Masyarakat adalah komuniti manusia yang tinggal bersama-sama. Masyarakat juga adalah sebuah jaringan perhubungan antara pelbagai individu. Integriti Islamiah berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa erti keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa Melayu, ia biasanya menjurus kearah perwatakan seseorang. Ia juga berupa kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan boleh pegang cakupnya (Kamus Dwibahasa DBP, 1985). Pembudayaan dilihat sebagai proses atau kaedah membudayakan sesuatu seperti pemikiran, ilmu, undang-undang, adat resan dan sebagainya. Proses ini melibatkan pelaksana yang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang khusus. Konsep budaya organisasi Islam adalah gabungan dua konsep iaitu konsep budaya dan konsep organisasi Islam. Konsep ini menggambarkan organisasi Islam mempunyai ciri-ciri budaya tersendiri. Yusuf Qardhawi (1985) menakrifkan budaya Islam sebagai beranjak dari falsafah Islam, bersumber dari al-Quran dan hadis dan bertujuan menciptakan umat yang melaksana dan memperjuangkan ajaran Islam. Tuntasnya, budaya Islam tentulah kebudayaan yang berketuhanan, kemanusiaan dan bermoral; merangkumkan ilmu dengan iman, melingkupi material dengan idea, menseimbangkan duniawi dengan ukhrawi, mengindahkan kehormatan manusia demi perikemanusiaan (Yusuf Qardhawi, 1985). Pengertian holistik adalah sebuah cara pandang terhadap sesuatu yang dilakukan dengan konsep pengakuan bahawa hal keseluruhan adalah sebuah kesatuan yang lebih penting daripada bahagian-bahagian yang membentuknya. Kata holistik berasal dari Bahasa Inggeris yang memiliki erti penekanan terhadap betapa pentingnya keseluruhan dan keterkaitan antara setiap bahagian-bahagian yang membentuknya. Kata holistik telah dikenal secara luas dan banyak digunakan di dalam pelbagai bidang.

### **Proses Pembudayaan/ Proses Belajar Budaya**

1) Proses Internalisasi

Manusia terlahir dengan potensi bawaan; perasaan, hasrat, nafsu, emosi, dan seterusnya. Sepanjang kehidupan (dari lahir sampai mati) manusia menanamkan dalam kepribadiannya hal-hal yang diperlukan dalam kehidupan. Individu berusaha memenuhi hasrat dan motivasi dalam dirinya; beradaptasi, belajar dari alam dan lingkungan sosial dan budayanya.

2) Proses Sosialisasi

Individu belajar pola-pola tindakan dalam interaksi dengan sesama, dari individu yang menduduki aneka peranan sosial. Sosialisasi berarti proses belajar anggota masyarakat untuk mengenal dan menghayati kebudayaan masyarakat di lingkungannya.


3) Proses Enkulturasasi

Individu mempelajari dan menyesuaikan alam pikiran dan sikapnya dengan adat-istiadat, sistem norma, dan peraturan-peraturan dalam kebudayaannya. Kalau pada awal meniru, sesuai dengan perkembangan kehidupan, 'membaca', menghayati, hingga menjadi pola tindakan

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Agama dan Asabiyyah (solidariti) dalam usaha-usaha mewujudkan sebuah negara yang teguh adalah amat diperlukan pada peringkat permulaan untuk mewujudkan sesebuah pemerintahan negara. Malah juga agama tidak akan sempurna tanpa Asabiyyah. Meskipun begitu, kezaliman akan berlaku sekiranya unsur-unsur 'Asabiyyah lebih mengatasi unsur-unsur agama. Ini adalah kerana agama adalah satu unsur yang lebih besar peranannya daripada Asabiyyah dalam pembentukan sesebuah pemerintahan negara. Interaksi kemanusiaan sangat penting meliputi aspek konflik, persefahaman, persaingan dan kerjasama, organisasi, perpecahan, penyesuaian, penyusunan, perubahan dan juga lain-lain proses interaksi kemanusiaan. Penyelidik dalam bidang sains kemanusiaan akan lebih mampu memahami serta mendalami segala latarbelakang, susunan, pola kehidupan sosial berbagai golongan atau kelompok dalam sesebuah masyarakat.

Model perpaduan dalam kepelbagaian Ibn Khaldun dalam konteks Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia dapat dilihat sebagai sangat selari dengan pengamalan konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan melalui ideologi kebangsaan, Rukunegara Malaysia. Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia telah mempunyai elemen-elemen asas Model perpaduan dalam kepelbagaian Ibn Khaldun bilamana kelangsungan Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia telah ditunjangi oleh Perlembagaan, Demokrasi dan Ideologi negara iaitu Rukunegara. Proses ini telah berkesimbungan dengan aspek sejarah dan persejarahan masyarakat majmuk Malaysia yang panjang. Justeru, bilamana Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia telah mempunyai ciri-ciri Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun seperti ukhwah, nubuwah daawat al-haq, al-muluk, asabiyyah dan ma'unah yang membawa kepada kekuatan bangsa-bangsa itu (Rosfazila, 2016), masyarakat majmuk Malaysia seharusnya ialah sebuah bangsa yang hebat. Cabaran yang mendatang ialah mengelakkan masalah perhubungan dan menguatkan bangsa dan tamadun.



RAJAH 1 : Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibnu Khaldun (Rosfazila, 2016)

Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun mempunyai ciri-ciri seperti *Ukhwah*, *nubuwwah daawat al-haq*, *al-mulk*, *asabiyah* dan *ma'unah* yang membawa kepada kekuatan bangsa (Rosfazila, 2016).

Menurut Ibn Khaldun, terdapat 12 perkara yang perlu dielakkan untuk menguatkan bangsa dan tamadun:

1-Perpecahan yang melemahkan umat samada kerana ideologi siasah atau kerana lain-lain kecenderungan budaya dan kelainan pendapat perlu disantuni dengan mengamalkan budaya beradab dalam berbeza pendapat.

2-Kerosakan pegangan dan nilai-nilai melalui unsur-unsur fahaman yang salah dan menyeleweng dalam agama dan penafsiran yang tidak sebenar serta pengaruh budaya hiburan yang berlebihan (*entertainment culture*) boleh mengatasi budaya ilmu dan intelektual yang akan melemahkan bangsa dan umat dari segi jangka panjang walaupun ada faedah-faedah komersial jangka pendek.

3-Kemerosotan budaya intelektual yang didominasi oleh budaya komersial - tanpa mengencil-ngencilkan bidang komersial yang sedemikian penting dalam Islam - yang jika dibiarkan akan membawa padah kepada umat dalam perkembangan ilmu dan kepakaran yang diperlukan untuk kepentingan pembentukan peribadi yang sepadu dan juga msyarakat madani yang dikehendaki. Gambaran masyarakat Ibn Khaldun dalam al-Muqaddimah adalah masyarakat madani.

4-Kerosakan nilai yang disebabkan oleh pendedahan kepada nilai-nilai yang negatif melalui media dan lainnya yang menghakis nilai-nilai Islam dan nilai-nilai Asia dalam hubungan dengan mereka yang selain daripada Muslimin, akibat negatif dari globalisasi yang disalah terima.

Kerosakan nilai peribadi contoh yang didominasi dalam anggapan popular oleh budaya pemujaan celebrity (*celebrity cult*) yang sepatutnya diambil alih oleh budaya mengikut contoh yang baik dan sempurna (*uswatun hasanah*) - terdiri daripada para nabi dan rasul a.s.s. dan mereka yang utama dalam sejarah Islam dan juga sejarah dunia.

5-Pengaruh budaya politik yang mungkin berlaku melebihi kewajarannya dilihat dari segi perkembangan budaya dan hidup intelektual umat yang perlu ditangani dengan segera.

6-Pengaruh yang tidak seimbang yang berlaku kerana tidak tunduk kepada epistemologi Sunni yang seimbang, sebagaimana yang ditunjukkan dalam al-Muqaddimah oleh Ibn Khaldun.



7-Paksaan adalah seteru kepada pendidikan, membawa kepada timbulnya sifat malas, berbohong dan sifat bermuka dua. Beliau juga menunjukkan kepada pentingnya contoh tauladan yang baik untuk ditiru serta juga penguasaan yang baik dalam penggunaan bahasa. Beliau menyanjung ilmu yang sampai menjadi malakah dalam seseorang (el-Muhammady, 2009).

8-Faktor Kekuatan Dalam berfikir Dan Menjayakan Budaya Ilmu. Umat Islam mendapat kedudukan yang mulia dan tinggi dalam dunia ini bila mereka mempunyai kemampuan yang tinggi dalam berfikir dan juga mempunyai kemampuan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan - yang ditonton oleh keimanan mereka yang tinggi dan ketaqwaan mereka kepada Allah dalam kegiatan berfikir dan ilmunya.


9-Ilmu perlu menjadi sebagai malakah atau kemahiran dan kecekapan yang sedemikian mendalam dalam seseorang dalam sesuatu ilmu sampai menjadi tabiat kedua baginya.

10-Kesabaran dan ketekunan merupakan sifat yang menguatkan da menjayakan umat dan tamadun, dan ini dihuraikan oleh Ibn Khaldun tentang bagaimana pada tahap-tahap awal dalam perkembangan bangsa-bangsa sifat-sifat sabar dan tekun dalam perjuangan itu kuat, dan itu menjadikan bangsa atau daulah itu kuat.

11-Banyaknya kemewahan, kehidupan penuh dengan hiburan dan perhiasan, kehidupan cara homoseks di kota-kota, politik wang, kerana mereka yan memimpin tidak mampu lagi mendapat kesetiaan dengan sifat-sifat utama yang dibuktikan dan mengajak orang lain kepada perjuangan, maka berlakulah politik wang. Dengan itu moral masyarakat merosot.

12-Pentingnya adat-adat kebiasaan yang baik dan kuat yang perlu diterapkan dalam masyarakat dan kehidupan untuk menjadi bahan penguat masyarakat dan tamadun supaya tidak runtuh (el-Muhammady, 2009).

### Model Budaya Organisasi Islam Holistik : Keperluan Masa Depan Orang Melayu Dan Bangsa Malaysia.



RAJAH 2: Model Budaya Organisasi Islam Holistik: Keperluan Masa Depan Orang Melayu dan Bangsa Malaysia.

## KESIMPULAN

Kajian ini menemukan makna budaya organisasi Islam holistik sebagai merangkumi aspek-aspek tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi serta mempunyai kebudayaan dari perspektif Islam. Rangkuman aspek ini dijemakan pada konsep holistik yang bermaksud keseluruhan serta menyeluruh. Kajian juga mendapati bahawa pembudayaan budaya organisasi Islam holistik yang didasari dengan aspek integriti Islamiah yang tinggi boleh menjadi formula untuk sebuah masyarakat yang berbudaya dan bertamadun mencapai kecemerlangan. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa pembudayaan budaya organisasi Islam holistik amat berperanan bukan sahaja kepada orang Melayu malah kepada bangsa Malaysia dalam mencapai matlamat bangsa bertamadun tinggi. Implikasinya, selain daripada mengelakkan masalah perhubungan dan menguatkan bangsa dan tamadun, terdapat beberapa aspek cabaran ke arah kecapaian bangsa bertamadun tinggi berlandaskan Syariah yang perlu direalisasikan pada semua peringkat iaitu pada peringkat internalisasi (individu), sosialisasi (masyarakat) dan enkulturasi (budaya dan pembudayaan).

ان الدين عند الله الاسلام

“Sesungguhnya agama yang diredhai Allah hanyalah Islam” (Surah al Imran : 19)

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا (٣)

“Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu Jadi agama bagimu.” (Al-Maaidah: 3)

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Dana Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (Ref: FRGS/1/2018/SS04/KUIS/02/1) yang diketuai oleh Dr. Rosfazila Binti Abd Rahman, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menjadi pusat gerakan dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada ahli-ahli penyelidik, Dr. Latifa Bibi Binti Musafar Hameed ([latifabibi@kuis.edu.my](mailto:latifabibi@kuis.edu.my)) dan Dr. Khairul Anuar Bin Ahmad ([khairulanuar@kuis.edu.my](mailto:khairulanuar@kuis.edu.my)) dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan semua pihak yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

## RUJUKAN

Al-Qur'an

Abdul Rahman Embong. 2006. Ethnicity and Class: Divides and Dissent in Malaysian Studies. *Southeast Asian Studies*, 7(3),77-88.

Asnarulhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. 2004. *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Auchi, William G.1981. *Theory Z*. New York: Avon Books.

Deal, T.E. & Kennedy, A.A. 1982. *Corporate Cultures: The Rites and Rituals of Corporate Life*. Reading: Addison Wesley Publishing Company.

Giddens, Anthony. 2006. *Sociology*. UK: Polity Press.

Ha-Joon Chang. 2006. *Understanding the Relationship between Institutions and Economic Development: Some Key Theoretical Issues*. The World Institute for Development Economics Research/United Nations University. Retrieved 01 July 2019.

Hofstede, G., Neuijen, B., Ohayv, D.D. & Sanders, G. 1990. *Measuring Organizational* New York: Hopkins University Press.

- Kamus Dewan 2002. Edisi Ketiga.. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karl Mannheim. 1956. *The Sociology of Culture*. Dicapai pada 14 August 2019, dari <https://sk.sagepub.com/books/classical-sociology/n7.xml>.
- Mitchell, P. 1979. Chemiosmotic coupling in energy transduction: A logical development of biochemical knowledge. *Journal of Bioenergetics*, 3 (1), 5–24.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 85-92.
- Noryamisma Ismail, Mohd. Zariat Abdul Rani, Fazilah Husin, & Norazlina Haji Mohd. Kiram. 2018. Islam Dalam Persembahan Dikir Al-Burdah Oleh Pertubuhan Badan Kesenian Dan Kebudayaan, Kampung Sessang, Sarawak. *Jurnal Melayu*, 17(2), 45-58.
- Peters, Thomas J., & Jr. Waterman, Robert H. 1984. *In Search of Excellence: Lessons from America's Best-Run Companies*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Ranjit Singh Malhi. 2005. *Pengajian Am: Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur: TQM Consultants Sdn. Bhd.
- Raymond Williams. 1976. *Developments in the Sociology of Culture*. Dicapai pada 14 Ogos 2019, dari <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/003803857601000306>.
- Tischler, H.L.1990. *Introduction to Sociology*. Florida: Rinehart and Winston, Inc.
- Uthman El Muhammady. 2009. *Kebudayaan Dalam Pandangan Islam*. Siri Forum Pemikir Budaya I Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Muat turun 14 Ogos 2019, dari <http://traditionalislam.tripod.com/KebudayaanDalamPandanganIslam.htm>.
- John A. Wagner & John R. Hollenbec. 1995. *Management of Organizational Behavior*. Pearson. Michigan State University
- Weick K. 1990. Loosely Coupled Systems: A Reconceptualization. *The Academy of Management Review*, 15:(2), 203-223,
- Yusuf al-Qardawi. 1977. *al-ibadah fil Islam*. Beirut : Mu'assasah al-Risalah.
- Yusuf al-Qardawi. 1985. *Sistem Pendidikan Ikhwanul Muslimin (terj)*. Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations.

### **Biodata Penulis:**

Rosfazila Binti Abd Rahman merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Teras, PPT, KUIS. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Sosiologi dan Antropologi; Budaya Organisasi Islam dengan menumpu kepada kajian sosio-budaya, sosiolinguistik, sejarah dan kenegaraan.

Novel Lyndon merupakan Professor Madya di Social, Environmental and *Developmental Sustainability Research Centre* (SEEDS), FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berpengkhususan dalam bidang Etnografi, Kajian Komuniti, Devian dan Kawalan Sosial.

Abdul Razif Bin Zaini merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, FPPI, KUIS. Beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Pendidikan Isesco di Malaysia (ISESCO). Kepakaran beliau adalah dalam bidang Linguistik; dengan menumpu kepada kajian sosio-linguistik, kosa kata Bahasa Arab dan ketamadunan.

Mohd Shahrul Nizam Bin Mohd Danuri merupakan pensyarah di Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, FSTM, KUIS. Beliau memegang jawatan sebagai Dekan. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Sains dan Teknologi Maklumat (alat pembelajaran atas talian dan perisian).

Marliana Binti Abdullah merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, FSU, KUIS. Beliau memegang jawatan sebagai Ketua Program Ijazah Sarjana Muda Muamalat Dengan Syariah (Kepujian). Kepakaran beliau adalah dalam bidang Syariah.